

Rokok seludup: Kerajaan hilang cukai berbilion ringgit

PETALING JAYA: Peratusan rokok seludup di Malaysia telah menurun sebanyak 6.5 peratus kepada 57.3 peratus pada 2021 daripada 63.8 peratus tahun sebelumnya, menurut Kajian Rokok Seludup (ICS) di negara ini yang dikendalikan oleh syarikat penyelidikan pemasaran antarabangsa, Nielsen.

Menurut Gabungan Pengilang Tembakau Malaysia (CMTM), itu adalah kali pertama sejak 2014 rokok seludup mencatatkan penurunan, namun masih banyak yang perlu

dilakukan untuk menangani isu tersebut kerana kerajaan terus kehilangan cukai berbilion ringgit setiap tahun akibat jenayah tersebut.

CMTM berkata, penurunan tersebut menunjukkan tindakan yang diumumkan oleh Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz pada pembentangan Bajet 2021 mula menunjukkan hasil.

“Ia merupakan perkembangan yang baik dan CMTM menyeru agar kerajaan dan pemegang taruh untuk terus

berusaha membanteras perdagangan rokok seludup ini.

“Kejadian rokok seludup sebanyak 57.3 peratus adalah masih tinggi. Malaysia kekal negara pertama bagi rokok seludup, dan sindiket penyeludupan bertindak balas kepada kaedah yang diumumkan pada Bajet 2021 dengan menggunakan cara baharu untuk membawa rokok seludup ke Malaysia.

“Kami menyeru agar kerajaan terus meningkatkan penguatkuasaan dalam menan-

gani aktiviti penyeludupan ini, terutama di kawasan pesisir pantai dan memastikan kaedah yang diumumkan sebelum ini dikekalkan dan dilaksanakan penguatkuasaannya.

“Ia termasuk kerjasama lebih erat antara industri dan kerajaan untuk menangani aktiviti menyeludup tembakau melalui penguatkuasa pelbagai agensi (MATF),” katanya dalam kenyataan.

CMTM turut meminta kerajaan melaksanakan anali-

sis impak perundangan dan ekonomi yang terperinci, selain turut melibatkan pelbagai pemegang taruh dalam rantaian nilai keseluruhan.

Ia termasuk pengilang, pengedar, dan peruncit, sebelum memperkenalkan cadangan seperti Penamat Tembakau 2040, yang mungkin akan secara tidak langsung meningkatkan produk seludup di pasaran dan menghapuskan kejayaan yang dicapai dalam menangani rokok seludup di Malaysia.